

30.10.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA-KERJA PENGALIHAN PAIP DI LEBUH SUNGAI PINANG: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI KAWASAN-KAWASAN DI LEBUH SUNGAI PINANG PADA 6.11.2020

Butiran penting: Gangguan bekalan air berjadual 12 jam	
Masa/Hari/Tarikh	9.00 malam Jumaat 6.11.2020 – 9.00 pagi Sabtu 7.11.2020
Sebab	Pengalihan paip 600mm Keluli Lembut (MS) sedia ada di Lebuh Sungai Pinang daripada kawasan pembangunan.
Bil. Akaun air yang terjejas	Lebih kurang 4,000 akaun

PULAU PINANG, Jumaat (30.10.2020): Gangguan bekalan air berjadual semalamam 12 jam akan berlaku di kawasan-kawasan di Lebuh Sungai Pinang dari jam 9.00 malam hari Jumaat, 6.11.2020, hingga 9.00 pagi hari Sabtu, 7.11.2020.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang akan menutup sementara saluran paip bekalan air 600 mm MS sedia ada untuk membolehkan kerja-kerja pengalihan paip dari persimpangan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Lebuh Sungai Pinang dijalankan.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual 12 jam dan akan menjejaskan kira-kira 4.000 akaun air.

Kerja-kerja pengalihan saluran paip perlu untuk memastikan aktiviti pembangunan di Lebuh Sungai Pinang tidak merosakkan paip air sedia ada di kawasan itu.

Pengguna-pengguna yang Terjejas

Pengguna-pengguna di kawasan-kawasan berikut diminta untuk menyimpan air mencukupi lebih awal, untuk penggunaan bermula 9.00 malam pada hari Jumaat 6.11.2020 – 9.00 pagi hari Sabtu 7.11.2020:

1.	Lebuh Sg. Pinang & Lebuh Sg. Pinang 1,2,6,7 dan 8	6.	Ocean View Condominium
2.	Persiaran Karpal Singh 1 dan 2	7.	Desa Pinang Court 1 dan 2
3.	Masjid Al-Bukhary	8.	Maritime Piazza
4.	The Spring Condominium	9.	Wesley Methodist International School Penang.
5.	Summer Place Condominium		

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas.

Harap maklum gangguan bekalan air berjadual ini disebabkan oleh projek pembangunan di Lebuh Sungai Pinang. PBAPP perlu mengalihkan saluran paip MS 600mm untuk melindungi bekalan air ke kawasan-kawasan berkenaan.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku. Sila simpan air mencukupi untuk penggunaan semalaman.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Chief Executive Officer,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

**APPENDIX A :
PIPE RELOCATION WORKS AT LEBUH SUNGAI PINANG.
12-HOUR SCHEDULED WATER SUPPLY INTERRUPTION
IN AREAS AT LEBUH SUNGAI PINANG.**

**6/11/2020 (FRIDAY), 9.00 PM TO
7/11/2020 (SATURDAY), 9.00 AM**

 **Affected Areas**



LOCATION	TYPE OF CONNECTION
A	600mm x 600mm MS CONNECTION
B	150mm x 150mm MS CONNECTION
C	600mm x 600mm MS CONNECTION
D	600mm x 600mm MS CONNECTION